

# BN akan kaji kekalahan calonnya di Bandar Raub

SHAH ALAM, Ahad — Barisan Nasional akan mengadakan 'post-mortem' untuk mengetahui sebab-sebab calonnya kalah dalam pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Pahang kawasan Bandar Raub semalam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Saya tidak tahu mengapa calon BN boleh kalah, tetapi kita akan mengadakan post-mortem untuk mengetahui sebabnya," kata Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN, kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Umno Selangor, di sini.

Ditanya mengenai kelebihan 1,846 undi yang dimenangi oleh calon Dap, beliau berkata, keputusan itu sama juga seperti permainan bolasepak, kadang-kadang menang dan kadang-kadang kalah.

## Bertindak

Dalam pilihanraya itu, calon BN, Encik Chua Hung Kim mendapat 3,873 undi dan calon Dap, Encik Lim Tuck Chee alias Lik Ah Kow memperoleh 5,719 undi.

Ditanya sama ada kekalahan itu adalah satu tamparan kepada kepemimpinan baru MCA di bawah Datuk Dr Neo Yee Pan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau tidak setuju dengan pendapat itu.

"Ia bukanlah satu ujian kepada kepeimpinannya (Datuk Dr Neo). Malah terlalu awal untuk menilai kepeimpinannya," ujarnya.

Perdana Menteri berkata, BN perlu mengetahui sebab-sebab kekalahan calonnya sama ada disebabkan keadaan tempatan atau pengundi-pengundi mahukan perubahan.

"Perlu diingat bahawa dalam pilihanraya kecil, rakyat bertindak berlainan sekali. Seslapa juga yang mereka pilih, mereka tetap mendapat kerajaan yang sama. Oleh itu, mereka tidak perlu bimbang mengenai kerajaan," tambah beliau.

Sementara itu, Menteri Besar Pahang, Datuk Najib Tun Abdul Razak berkata di Kuala Lumpur, keselamatan dan kestabilan bagi penduduk Raub masih bergantung kepada BN walaupun Dap memenangi kerusi bagi kawasan itu.

Katanya, BN Pahang akan menjalankan post-mortem ke atas kekalahan itu.

Di Kuantan, Pengerusi Perhubungan MCA Pahang, Datuk Chan Siang Sun berkata, kekalahan calon BN dalam pilihanraya kecil Raub itu tidak menjadi satu kelemahan kepada partinya untuk terus maju, sebaliknya menguatkan lagi semangat ahli-ahli MCA dan BN negeri ini.

Katanya, dalam satu-satu pertandingan memang tidak dapat dinafikan ada yang kalah dan menang, tetapi bagi MCA, kekalahan itu menguatkan lagi semangat untuk merebut semula kerusi yang dirampas oleh Dap itu.